

26 SEP 2000

M'SIA AKAN LAYAN RAKYAT FILIPINA SEWAJARNYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan melayani rakyat Filipina yang ditangkap menyeberangi masuk ke Malaysia kerana melarikan diri daripada serangan tentera di selatan Filipina, mengikut status masing-masing.

"Jika mereka datang ke perairan kita, dan mereka sebenarnya merupakan pelarian, maka kita akan melayani mereka sedemikian.

"Tetapi jika mereka merupakan pendatang tanpa izin biasa, kita akan melayani mereka sebagai pendatang tanpa izin," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Dagangan Kedah di sini.

Beliau ditanya mengenai serangan yang dilakukan tentera Filipina terhadap kubu kumpulan pemisah di selatan republik itu sejak pertengahan bulan ini dalam usaha membebaskan 17 tebusan termasuk tiga rakyat Malaysia dan seorang rakyat Amerika.

Rakyat Malaysia itu diculik pada 10 Sept di Pulau Pandanan Sabah, hanya selepas semua, kecuali seorang daripada 21 tebusan yang diculik di Pulau Sipadan, juga di Sabah pada 23 April, dibebaskan.

Pengurus Pandanan Semporna Island Resort Mohamad Noh Sulaiman, 43, jurulatih penyelam Joe Joseph Jongkinoh, 40, dan kontraktor Kan Wei Chong, 35, diculik oleh sekumpulan bersenjata yang dipercayai melarikan mereka ke Pulau Jolo.

-- BERNAMA

MAM AHH RON